



**KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM**

TEKS UCAPAN

**NIK NAZMI NIK AHMAD
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM**

SEMPENA

**PERHIMPUNAN BULANAN
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
BIL. 6/2024**

4 JUN 2024 (SELASA)

**DEWAN BAIDURI,
MENARA PETRA**

Terima Kasih Saudara dan Saudari Pengacara Majlis.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani

1. **Yang Berhormat Dato' Sri Huang Tiong Sii**
Timbalan Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam;
2. **Yang Berbahagia Datuk Nor Yahati binti Awang**
Timbalan Ketua Setiausaha (Kelestarian Alam)
3. **Yang Berusaha Puan Norsham binti Abdul Latip**
Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli)
4. **Yang Berbahagia Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar**
Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) selaku tuan rumah Perhimpunan Bulanan NRES kali ini
5. **Yang Berbahagia Profesor Tan Sri Dr. Jemilah binti Mahmood**
Profesor dan Pengarah Eksekutif Sunway Centre for Planetary Health, Sunway University
6. Ketua-ketua Jabatan dan Agensi di bawah NRES;
7. Pegawai-Pegawai Kanan NRES;
8. Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian.

PENDAHULUAN

1. Pertamanya, marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya kita dapat bersama-sama menghadiri Perhimpunan Bulanan Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam yang keenam tahun ini.
2. Kita telah menjengah separuh tahun pertama 2024. Pelbagai program telah dilaksanakan sepanjang tempoh ini bagi memberi pemahaman kepada rakyat bahawa kementerian ini bekerja selaras dengan matlamat penubuhannya.
3. Syabas diucapkan kerana Kementerian ini masih *on track* dan akan terus diperhebat dengan pelbagai lagi program yang direncana untuk enam bulan akan datang sebelum penutup tirai tahun ini.

KERANGKA STRATEGIK MALAYSIA MADANI (KSMM) NRES

Hadirin sekalian,

4. Kementerian telah menggariskan enam (6) Kerangka Strategik Malaysia MADANI yang menjadi inisiatif utama khususnya dalam konteks peranan penting yang dimainkan oleh Kementerian. Kerangka ini merupakan komitmen kita untuk membina sebuah Malaysia yang lebih inklusif, lestari, dan makmur.
5. Inisiatif-inisiatif *pledge for result* itu merangkumi:
 - a) Mendukung agenda pengurusan hutan secara berkekalan dan penggunaan sumber secara lestari;

- b) Memacu inisiatif konservasi flora dan fauna melalui pemerkasaan aktiviti pengurusan, penyelidikan dan pembangunan, tindakan penguatkuasaan serta mobilisasi sumber;
 - c) Memacu tindakan iklim negara melalui pembangunan dasar pasaran karbon kebangsaan, pelan tindakan NDC Roadmap dan LT-LEDS serta Rang Undang-undang Perubahan Iklim;
 - d) Meningkatkan pertumbuhan ekonomi melalui pelaksanaan Dasar Mineral Negara 3;
 - e) Memperkasa perlindungan alam sekitar melalui pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974; dan
 - f) Memperkasa pengurusan tanah persekutuan menerusi hala tuju baharu Pengurusan Tanah Persekutuan 2021-2030.
6. Kerangka Strategik Malaysia Madani NRES ini berasaskan kepada prinsip-prinsip kelestarian alam sekitar, tadbir urus yang baik, dan keadilan sosial. Melalui kerangka ini, kita berusaha untuk memastikan bahawa pembangunan negara tidak hanya memberi manfaat kepada semua lapisan masyarakat tetapi juga memelihara dan melindungi khazanah alam kita untuk generasi masa depan.
7. Kerangka ini bukan sekadar visi. Ia adalah panggilan untuk bertindak. Bersama-sama, kita dapat mencipta masa depan di mana setiap rakyat Malaysia mempunyai peluang untuk berkembang maju. Mari kita bekerjasama untuk menjadikan visi ini satu realiti.

KOMITMEN KEMENTERIAN

Hadirin yang saya hormati,

8. Berlandaskan Kerangka Strategik Malaysia Madani NRES ini juga, kita telah mengatur dan menggerakkan jentera Kementerian untuk pelaksanaan program-program berkapasiti tinggi yang merangkumi beberapa agenda penting dalam memartabatkan agenda sumber asli dan kelestarian alam yang secara tidak langsung memberikan impak kepada kesejahteraan rakyat.
9. Komitmen kita untuk memerangi perubahan iklim dan mengejar pembangunan lestari demi kesejahteraan rakyat terus diperhebat. Negara kita sedang melaksanakan pelbagai strategi untuk mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah hijau di seluruh ekonomi negara.
10. Bermula tahun ini, Malaysia akan memulakan proses pembaharuan sasaran NDC kita, yang akan mengambil kira dasar-dasar berkaitan perubahan iklim yang terkini. Proses ini dijangka selesai pada tahun 2025 dan bertujuan untuk menetapkan sasaran kebangsaan yang inklusif sejajar dengan matlamat jangka panjang Perjanjian Paris.

PENCERAMAH JEMPUTAN

Hadirin yang dihormati sekalian,

11. Seperti kebiasaan dalam perhimpunan bulanan yang diadakan terdahulu, kita berbesar hati menjemput tokoh-tokoh yang pakar dalam bidang masing-masing untuk berkongsi pengalaman dan menyuarakan hasrat dan harapan mereka kepada warga Kementerian.

12. Pada kali ini, kita menjemput Yang Berbahagia Profesor Tan Sri Dr. Jemilah binti Mahmood, Pengarah Eksekutif di Sunway Centre for Planetary Health, Universiti Sunway. Beliau merupakan seorang profesor dan pakar perubatan yang berpengalaman dengan lebih daripada 20 tahun dalam pengurusan krisis kesihatan, bencana, dan konflik.
13. Di peringkat global, beliau berkhidmat dalam lembaga seperti Roche dan Norwegian Refugee Council serta merupakan ahli Global Future Council di World Economic Forum. Sebelum ini, beliau memegang jawatan penting di IFRC dan PBB serta mengasaskan MERCY Malaysia.
14. Beliau pernah menjadi Penasihat Khas kepada Perdana Menteri Malaysia dalam bidang Kesihatan Awam dari April 2020 hingga Ogos 2021. Beliau juga merupakan ahli Majlis Tindakan Ekonomi dan Majlis Tindakan Iklim Kerajaan Malaysia. Beliau pernah menduduki pelbagai jawatan Lembaga dalam NGO dan INGO dan diiktiraf dengan pelbagai anugerah, serta penyokong kuat untuk kesihatan dan kelestarian.

PENUTUP

Hadirin sekalian,

15. Sebagai penutup, saya ingin mengajak semua pihak untuk terus berusaha dan berkolaborasi dalam memastikan alam sekitar kita dipelihara dengan sebaik-baiknya. Kita mempunyai tanggungjawab moral untuk memastikan bahawa bumi yang kita pinjam ini dipelihara dan dijaga dengan baik.

16. Marilah kita berganding bahu untuk menjadikan dunia ini tempat yang lebih baik untuk kita dan generasi akan datang. Dengan komitmen dan tindakan kita bersama, kita boleh mencapai matlamat kelestarian alam yang kita impikan.

Dengan itu, saya sudahi ucapan saya ini dengan lafaz

Wabillahi Taufiq Wal Hidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.